



## SIARAN MEDIA

### JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

#### PROGRAM KEM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON PERINGKAT NEGERI SARAWAK *DAN PROGRAM ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT AND CLIMATE CHANGE (ESTECC) EDUCATION IN SCHOOLS* SEMPENA HARI OZON ANTARABANGSA 2019

**9 – 10 OKTOBER 2019  
SMK MELUGU, SRI AMAN**

---

**10 OKTOBER, SRI AMAN:** Seramai lebih kurang 40 pelajar dan 4 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Melugu telah menyertai Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon, sempena Hari Ozon Antarabangsa 2019 anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang telah berlangsung pada 9 - 10 Oktober 2019 di SMK Melugu, Sri Aman. Program *Energy, Science, Technology, Environment And Climate Change (ESTECC) Education In Schools* turut dijalankan di SJK(C) Chung Hua Simanggang dan SMK Melugu pada 9 Oktober 2019 melibatkan kira-kira 300 orang murid dan guru dari setiap sekolah Sempena Hari Ozon Antarabangsa 2019.

Majlis Perasmian Penutupan Program Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon Peringkat Negeri Sarawak *Dan Program Energy, Science, Technology, Environment And Climate Change (ESTECC) Education In Schools* Sempena Hari Ozon Antarabangsa 2019 telah disempurnakan oleh En. Ahmad Saifful Bin Salihin, Pemangku Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak. Majlis turut dihadiri oleh Encik Langgie Anak Ujang, Pengetua SMK Melugu, En. Chin Kui Nam, Guru Besar SJK(C) Chung Hua Simanggang dan wakil dari agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Tema sambutan Hari Ozon Antarabangsa pada tahun ini iaitu “*32 Years And Healing*” yang menyambut kerjasama antarabangsa selama 3 dekad lamanya demi untuk melindungi lapisan ozon dan iklim di bawah Protokol Montreal. Tema ini mengingatkan kita untuk meneruskan momentum untuk memastikan kesihatan manusia dan bumi yang sihat.

Merujuk *Scientific Assessment of Ozone Depletion: 2018*, yang telah dijalankan oleh pakar-pakar di bawah naungan Montreal Protokol dengan kerjasama *Meteorological Organization (WMO)* dan *United Nations Environment Programme (UN Environment)*, menunjukkan sebahagian daripada lapisan ozon telah pulih pada kadar 1 – 3% sedekad sejak tahun 2000. Dijangkakan, Hemisfera Utara (*Northern Hemisphere*) dan *mid-latitude ozone* akan pulih sepenuhnya pada tahun 2030an diikuti Hemisfera Selatan (*Southern Hemisphere*) pada tahun 2050an dan bahagian Kutub pada tahun 2060. Hasil usaha perlindungan lapisan ozon juga telah berjaya menghindari kira-kira 135 bilion tan pelepasan karbon dioksida ke udara sejak tahun 1990 hingga 2010.

Malaysia telah berjaya menghentikan pengimportan Chlorofluorocarbon (CFC), *Halon* dan *Carbon Tetrachloride (CTC)* mulai 1 Januari 2010. Pada 1 Januari 2015, Malaysia telah dapat mengurangkan pengimportan Hydrochlorofluorocarbon (HCFC) sebanyak 10% mengikut Jadual Susutan Protokol Montreal. Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC atau *HCFC Management Plan (HPMP) Stage 1* telah disediakan bagi melaksanakan strategi dalam tempoh 2012-2016 dan dana telah disediakan bagi projek penukaran teknologi dari penggunaan bahan HCFC-141b kepada *cyclopentane* dalam sektor busa (*foam*) dan premis pembuatan polyol, bantuan teknikal sektor servis dan pengurusan.

Strategi seterusnya adalah untuk melarang pembuatan dan pengimportan penyaman udara yang berkuasa kuda 2.5 dan ke bawah bagi penjualan dalam Malaysia. Bagi tujuan ini, Peraturan Pengurusan Refrigeran 1999 sedang dipinda.

Dana Tabung Pelbagai Hala Protokol Montreal berjumlah sebanyak USD 6,138,063 juga telah diluluskan bagi tempoh pelaksanaan dari 2016 - 2022. Dana ini bertujuan menghapuskan 146.24 ODP ton (*Ozone Depletion Potential*) menjelang tahun 2022.

Dua (2) pusat bertauliah iaitu UNIKL-MFI dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas yang melaksanakan pentauliah *Certification for Service Technician Programme (CSTP)* telah dilantik sebagai pusat rujukan dan "*technical arm*" bagi perkembangan refrigeran alternatif termasuklah refrigeran yang mudah terbakar. Selain itu, 51 Pusat Latihan Bertauliah (*Authorised Training Center*) yang telah dilantik oleh JAS diperkasakan bagi meneruskan pelaksanaan pentauliah CSTP.

Beberapa pengganti kepada bahan pemusnah lapisan ozon contohnya HFC didapati merupakan gas rumah hijau (*greenhouse gases*) yang kuat. Malah, HFC adalah lebih dari seribu kali lebih kuat daripada Karbon Dioksida yang menyumbang kepada perubahan iklim. Oleh itu, langkah-langkah kawalan untuk mengurangkan hydrofluorocarbon HFC telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2019 melalui Kigali Amendment. Peningkatan suhu sebanyak 0.4C dijangka dapat dikurangkan melalui Kigali Amendment tersebut.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menjaga lapisan ozon supaya keselamatan, kesihatan dan persekitaran terus berkekalan demi kesejahteraan dan keharmonian sejagat.

**Tamat.**